

**Kerajaan Pusat Pasang Alat Penapis Air Bantu Atasi Masalah Penduduk – Mustapa Bernama
10 Ogos, 2012**

TUMPAT, 10 Ogos (Bernama) -- Kerajaan pusat akan memasang alat penapis air bagi menghasilkan air bersih dari sumber sungai untuk mengatasi masalah bekalan air kritikal dihadapi penduduk Kampung Derdap dan Kampung Tualang di sini.

Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata pemasangan alat penapis air itu yang berharga kira-kira RM65,000 seunit akan dibuat segera bagi mengatasi masalah kira-kira 5,000 penduduk di dua kampung tersebut.

"Kita pasang sebelum Aidilfitri ini supaya tidak menimbulkan masalah kepada mereka yang bekerja di luar negeri ini pulang berhari raya di kampung," katanya kepada pemberita selepas meninjau alat penapis air yang dipasang di Kampung Kuala Jambu di sini, hari ini.

Penapis air menggunakan teknologi Amerika Syarikat itu yang disumbangkan oleh sebuah syarikat swasta Bio Ultra Pure Sdn Bhd, dipasang pada Jun lepas, dapat meringankan bebanan penduduk Kampung Kuala Jambu dan kampung sekitarnya.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata masih terdapat banyak lagi kawasan di jajahan Tumpat dan Pasir Mas yang menghadapi masalah bekalan air bersih yang disediakan oleh Air Kelantan Sdn Bhd.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687308>